

ALIRAN PERJALANAN HIDUP MANUSIA DALAM SYAIR JAMAD AL-QIAMAT

Nadiatul Shakinah Abdul Rahman

shakinahrahman@gmail.com

Salmahjan Noor Muhammad

salmahjan@upm.edu.my

Arba'ie bin Sujud

arbaie@upm.edu.my

Jabatan Bahasa Melayu,

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,

Universiti Putra Malaysia.

Abstrak

Makalah ini berfokus kepada aliran perjalanan hidup manusia bermula daripada alam roh sehinggalah alam akhirat dengan menggunakan naskhah Melayu Syair Jamad al-Qiamat. Makalah ini dimulai dengan latar belakang naskhah dan seterusnya menyentuh kepada pembahagian aspek dunia dan akhirat dalam syair ini. Kemudian, makalah ini turut membincangkan tentang kejadian terciptanya alam dunia, syurga dan neraka serta kejadian manusia. Selain itu, makalah ini turut menyentuh tujuan terciptanya alam dunia dan tujuan manusia hidup di dunia. Fokus utama makalah ini ialah menjelaskan lebih terperinci rentetan perjalanan hidup manusia bermula daripada terciptanya alam dunia dan manusia, perlakuan manusia di alam dunia, ketika tibanya hari kematian, kehidupan di alam kubur, manusia dibangkitkan di hari kebangkitan dan dikumpulkan di padang mahsyar serta golongan yang menjadi syafaat di akhirat kelak. Hasil tulisan ini mendapati bahawa topik yang telah dibincangkan ini juga turut diceritakan di dalam al-Quran dan hadis. Oleh itu, dengan terhasilnya makalah ini dapat memberikan gambaran yang jelas mengenai perjalanan hidup manusia dan dijadikan sebagai pedoman, panduan dan peringatan kepada manusia.

Kata kunci: *Alam dunia, alam barzakh, hari kebangkitan, kematian, manusia, syafaat*

A STREAM OF HUMAN LIFE IN POETRY-HOUR AL-JUDGEMENT

Abstract

This article focusing to human flow life journey string start from hades until afterworld by using Syair Jamad al-Qiamat. This article begin with a background and consequently touch about the worlds aspects division and afterworld in this poetry. Then, this article also discuss about the episode of world, heaven and hell are create. This article focus to explain more detail about human life journey string start from the world and human are created, human behaviour in world, the time of human death, life in other world, human raised at awakening day and when human muster at judgement day and group that become intercession in afterworld later. This result showed that this topic has been also discussed in al-Quran and hadis. Therefore, this article can give more information about the human's life journey.

Keyword: world, shades, awakening day, death, human, intercession

PENGENALAN

Makalah ini menggunakan naskhah Melayu iaitu *Syair Jamad al-Qiamat* bernombor MSS 449 (A) yang diperolehi daripada Perpustakaan Negara Malaysia. Sebelum menganalisis kandungan teks, proses transliterasi naskhah dijalankan bertujuan untuk memudahkan pemahaman isi kandungan teks dan seterusnya dapat dijadikan sebagai pedoman dan pengajaran dalam kehidupan masyarakat. Syair ini ditulis di atas kertas dan dijadikan sebuah naskhah. Keadaan kulit naskhah juga berada dalam keadaan yang baik dan terjaga tetapi hanya kertasnya sahaja yang kekuningan. Kertas yang digunakan adalah berukuran 20x16.8 cm dan setiap helaian kertas mengandungi tulisan dan tidak diselangi dengan kertas kosong. Walau bagaimanapun, hanya terdapat lima halaman yang kosong sebelum permulaan syair ini ditulis. Naskhah syair ini mengandungi 46 halaman dan setiap halaman mengandungi antara 15 hingga 16 baris. Syair ini juga terdiri daripada 347 rangkap yang keseluruhannya mengandungi empat baris serangkap. Namun begitu, ada beberapa rangkap yang mempunyai dua baris serangkap.

Kebiasaannya sesebuah manuskrip mengandungi tera air (*watermark*) tetapi, syair ini pula tidak mempunyai tera air. Setiap helaian halaman naskhah mempunyai dua garisan yang dibuat dengan pensel di sebelah kiri dan kanan jidar manakala di tengah pula terdapat dua garisan yang memisahkan bait-bait syair itu. Selain itu, naskhah ini juga ditulis dengan menggunakan dakwat hitam. Tulisannya besar, elok dan jelas dibaca. Namun begitu, terdapat juga beberapa


perkataan yang sukar untuk difahami kerana menggunakan tulisan jawi lama. Syair ini juga ditulis dan dibaca dari kanan ke kiri. Selain itu, naskhah syair ini juga mempunyai unsur doksologi iaitu permulaan kata bagi memulakan sesuatu sama ada doa yang pendek atau yang lebih panjang mengandungi kata-kata pujian kepada Allah dan selawat kepada Nabi Muhammad SAW pada awalan naskhah. Pada bahagian akhir naskhah pula kebiasaannya mengandungi doa yang ringkas. Penutup cerita pula mengandungi doa yang panjang seperti puji-pujian kepada Allah dan selawat kepada Rasulullah SAW serta kenyataan tentang selesainya sesuatu cerita seperti tamat. (Harun Mat Piah et. al., 2006:403). Syair ini juga turut mengandungi unsur doksologi pada permulaan syair iaitu *Bismillah ir-Rahman ir-Rahim* dan pada bahagian akhir pula ditulis tamat.

Pengarang syair ini tidak dapat dipastikan kerana tidak tercatat sebarang nama di dalam naskhah ini. Syair ini juga pengarang membahaskan dirinya sebagai 'fakir'. Pada masa dahulu, sesebuah karya itu adalah bersifat umum dan merupakan hak milik masyarakat. Pengarang juga diandaikan sebagai seorang yang pandai dalam ilmu agama dan bahasa Arab. Hal ini berikutan penceritaan syair ini yang tertumpu pada kehidupan duniawi dan akhirat kelak sehingga berlakunya hari kiamat. Syair ini juga mengandungi pelbagai perkataan Arab, ayat al-Quran dan hadis. Naskhah syair ini juga tidak dinyatakan tarikh syair ini ditulis.

Walau bagaimanapun, naskhah ini dapat ditentukan tarikhnya berdasarkan penggunaan perkataan dan ejaan pada zaman tersebut seperti derhaka (dieja durhaka), firman (dieja farman), keliling (dieja kuliling), sekalian (dieja sakulian) dan sewaktu (dieja sawatu). Perkataan-perkataan tersebut juga terdapat di dalam naskhah *Bustan Al-Salatin (Bab Pertama dan Kedua)* oleh Nuruddin Ar-Raniri (Jelani Harun, 2004:xxiii) yang dihasilkan pada tahun 1638 menggunakan ejaan yang sama. Oleh itu, berkemungkinan naskhah ini dihasilkan sekitar abad ke-17. Walau bagaimanapun, kesahihan tarikh ini juga tidak dapat dipastikan dengan tepat jika hanya mengikut anggaran berdasarkan kepada penggunaan dan ejaan sahaja.

ANALISIS PERBINCANGAN

Syair Jamad al-Qiamat (MSS 449) merupakan sebuah manuskrip yang berkisar tentang hari kiamat. Syair ini juga turut menyentuh mengenai manusia yang hidup dalam kelalaian mengejar kehidupan duniawi sehingga melupakan kehidupan di akhirat kelak. Selain itu, syair ini turut menggambarkan suasana di saat-saat menghadapi kematian, kehidupan di alam barzakh, tanda, keadaan dan peristiwa ketika berlakunya hari kiamat. Oleh itu, syair ini terbahagi kepada dua bahagian seperti rajah di bawah:



Rajah 1: Pembahagian aspek dalam *Syair Jamad al-Qiamat*

KEJADIAN SYURGA, NERAKA DAN ALAM DUNIA

Allah menciptakan alam dunia untuk didiami oleh makhluk ciptaan-Nya. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pandangan Ibnu Idris (2000:13-14) iaitu sebelum alam ini tercipta yang ada hanyalah Dzat Yang Maha ada dan Maha Kekal, Allah SWT. Dia menciptakan bumi, langit, dan isinya kerana mahu menciptakan manusia yang pada mulanya berupa roh. Demikian juga dengan makhluk hidup lainnya. Allah SWT selain bersifat Rahman dan Rahim juga bersifat Jalal dan Jamal. Atas kehendak dan dua sifat-Nya yang terakhir itu Allah menciptakan Nabi Muhammad dengan bentuk dan keadaan yang sempurna. Setelah menciptakan roh para Nabi, Allah menciptakan roh para wali, selanjutnya roh manusia. Kemudian, Allah menciptakan roh para malaikat, roh jin, roh haiwan dan yang terakhir roh tumbuh-tumbuhan. Seterusnya, Allah menciptakan empat unsur utama alam yakni air, api, udara dan tanah. Dari empat unsur itulah Allah menciptakan makhluk, langit, bumi dan makhluk ghaib yakni malaikat dan jin.

Walaupun alam dunia merupakan alam persinggahan sementara manusia tetapi, penciptaan alam dunia ini juga bertujuan untuk direnungi manusia. Sa'id Solah Al-Fayyumiy (2009:112) menjelaskan bahawa Allah telah memerintahkan manusia agar memerhatikan segala penjuru bumi dan langit

agar manusia dapat memikirkan dan memahami proses penciptaan alam semesta ini. Selain itu, manusia juga diwajibkan untuk melaksanakan perintah Allah dan beribadat kepada-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya. Allah turut menjanjikan syurga bagi mereka yang taat pada perintah-Nya dan neraka bagi mereka yang mengingkarinya. Syair ini turut menggambarkan suasana syurga dan neraka yang merupakan persinggahan terakhir umat manusia apabila mati kelak. Hal ini dapat dilihat berdasarkan contoh berikut:

Seksanya itu bukan kepalang
Di atas api ia terjulang
Dimakannya daging lantas ke tulang
Jerit dan tangis tiada terbilang

Kerana Allah sangatlah murka
Dimasukkan kita ke dalam neraka
Senantiasa di dalam duka
Sedikit tiada merasa suka

Jikalau demikian kita nan teman
Banyaklah juga membawa iman
Muafakat di dalam hadis dan firman
Di dalam syurga tempat pendiaman

(Rangkap 7-9)

Contoh di atas dapat dilihat dengan jelas mengenai gambaran syurga dan neraka. Neraka digambarkan sebagai satu tempat yang penuh dengan penyeksaan bagi mereka yang melakukan kemungkaran. Syurga pula merupakan tempat bagi mereka yang beriman kepada-Nya. Selain itu, tujuan alam diciptakan bukan sahaja sebagai tempat tinggal manusia semata-mata tetapi untuk manusia berfikir dan beribadat kepada-Nya. Syair ini dengan jelas berkisar tentang penciptaan dunia agar manusia sentiasa ingat kepada kematian dan melakukan amal soleh. Hal ini berikutan dunia bukanlah tempat yang kekal kerana akhirnya kelak akan berpindah ke alam akhirat. Perhatikan contoh berikut:

Barang yang ingat akannya mati
Dunia dijadikan tempat berhenti
Sedarkan tempat berbuat bakti
Akhirat juga dituntuti

Dijadikan dunia oleh tuhanmu
Bukan dia akan tempatmu
Sekadar ibadat akan ilmu
Suatu diamankan dengan yakinmu

Bukan dunia negeri yang *baqa*
Sekadar duduk dengan seketika
Akhirat kelak berpindah juga
Laki-laki perempuan habis belaka

(Rangkap 11-13)

Syair ini turut memperihalkan tentang tujuan alam dunia dicipta agar manusia yakin dan percaya tentang-Nya dan tidak hanya memikirkan hal duniawi. Manusia seharusnya berfikir dan sentiasa melakukan kebaikan, ibadat dan ingat kepada kematian kerana dunia bukanlah tempat tinggal kekal manusia kerana akhirnya akan meninggalkan dunia dan tinggal di alam yang lain.

PERLAKUAN MANUSIA DI ALAM DUNIA

Nabi Adam alaihissalam merupakan manusia pertama yang diciptakan daripada tanah seperti yang tertulis di dalam al-Quran. Hal ini juga membuktikan bahawa manusia itu tercipta daripada tanah sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah. Kemudian, Kami jadikan ‘pati’ itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh. Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah belu. Lalu, Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta.”

(Al-Mu’minun:12-14)

Allah menciptakan manusia dengan pelbagai keistimewaan. Antaranya manusia adalah satu-satunya makhluk yang dikurniakan akal untuk berfikir. Kurniaan akal ini juga membezakan manusia dengan makhluk yang lainnya. Hal ini juga sebagaimana dinyatakan oleh Sa’id Solah Al-Fayyumiyy (2009:128) bahawa Allah telah memberikan keistimewaan manusia berbanding dengan

mahluk yang lain. Allah membezakan manusia dengan akal, yang mana akal manusia membolehkannya melakukan banyak hal. Manusia juga mampu melakukan apa sahaja yang tidak dapat dilakukan oleh mahluk yang lain walaupun ia memiliki keistimewaan yang lain. Al-Quran dan hadis juga ada menyebutkan tentang manusia yang merupakan mahluk yang bertanggungjawab dan diciptakan dengan sifat-sifat ketuhanan. Syahminan Zaini (1980:6) menjelaskan bahawa manusia itu terkandung dalam tiga unsur utama iaitu manusia sebagai ciptaan Allah, manusia bertanggungjawab atas segala tingkah lakunya yang menurut al-Quran akan dipertanggungjawabkan nanti di hadapan Tuhan di akhirat kelak dan manusia diciptakan dengan sifat-sifat ketuhanan.

Manusia juga merupakan khalifah di muka bumi ini dan tujuan penciptaan manusia adalah mengabdikan diri kepada pencipta seperti mana yang diperkatakan oleh M. Munir Faurunnama' dan O.K. Rahmat mengenai peranan manusia sebagai khalifah dan tujuan penciptaan manusia. Al-Quran juga turut menyebutkan tentang khalifah sehubungan dengan status manusia di bumi sebagaimana firman Allah yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; ‘Sesungguhnya Aku hendak menjadikan khalifah di bumi’ Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): ‘Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mencucikan-Mu?’ Tuhan berfirman: ‘Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya.’”

(Al-Baqarah:30)

Ayat tersebut dengan jelas menceritakan tentang manusia yang dipilih untuk menjadi khalifah di muka bumi. M. Munir Faurunnama' (1979:54-55) turut berpendapat tentang perihal mahluk yang tinggal di bumi, berkedudukan sebagai khalifah. Beliau juga turut mendefinisikan khalifah itu sebenarnya tidak lebih daripada pengganti yakni bermaksud menggantikan orang lain dengan menduduki yang diganti. Selain itu, O.K. Rahmat (1991:6) pula menjelaskan tentang tujuan penciptaan manusia hanyalah untuk mengabdikan atau memperhambakan diri ke hadrat Allah semata-mata. Beliau menambah bahawa kata dasar abdi itu bermaksud hamba dan dari kata dasar itu lahirnya perkataan ibadah yang bermaksud memperhambakan diri. Oleh itu, ibadah diertikan sebagai pengabdian kepada Allah. Segala perbuatan tidak berbuat yang bersifat dan bertujuan pengabdian ke hadrat Allah adalah ibadah. Dengan demikian,

segala perbuatan yang dikehendaki Allah perlu dilakukan dan segala perbuatan yang dilarang haruslah dijauhkan juga merupakan satu ibadah.

Jelaslah bahawa manusia seharusnya melakukan segala kebaikan dan berbakti di atas muka bumi ini. Namun begitu, berlaku sebaliknya apabila manusia semakin lalai dan leka dalam mengejar hal-hal keduniaan. Hal ini dapat dilihat melalui bait-bait syair ini yang menggambarkan manusia sering kali leka mengejar hati dan keduniaan sehingga mengabaikan perintahnya dengan meninggalkan ibadat dan melakukan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti berbohong, berdusta, melakukan kemungkaran dan kemaksiatan. Lihat contoh-contoh bait syair seperti berikut:

Setengahnya orang mencari harta
Sembahyang tiada lagi dicita
Ilmu sepatah haram tak kata
Mengerjakan maksiat semata-mata

(Rangkap 29)

Amar dan nahi tiadalah *azani*
Pekerjaan maksiat juga gemari
Berbuat fasik sehari-sehari
Kata manfaat jangan dicari

(Rangkap 38)

Ada yang berhimpun suatu tempat
Sahabat dan handai penuh sesak berlipat
Beberapa bohong dengan umpat
Suka tertawa terlompat-lompat

(Rangkap 41)

Contoh bait syair di atas memperlihatkan perlakuan manusia di atas muka bumi ini melakukan perkara-perkara kemungkaran dan kemaksiatan sehingga mengabaikan perintah-Nya. Manusia sebagai makhluk berakal perlu menjalankan tanggungjawab yang telah diamanahkan sebagai hamba-Nya di alam dunia. Namun begitu, manusia lalai dalam menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan malah menjadi hamba kepada harta dan dunia. Manusia bukan sahaja meninggalkan ibadat tetapi juga secara terus-terusan melakukan kemungkaran

KETIKA MENGHADAPI KEMATIAN DAN SAKARATUL MAUT

Kematian adalah satu perkara yang pasti. Hal ini kerana makhluk yang hidup itu pasti akan mati kelak. Begitu juga dengan manusia. Mahir Ahmad al-Sufi (2012:23) menjelaskan bahawa kematian bermaksud keluarnya roh dari jasad sesuai dengan perintah Allah. Hak untuk mengeluarkan roh tersebut tidak diberikan kepada seorang pun dari makhluk-Nya. Perintahnya daripada Allah dan melaksanakannya ialah malaikat yang ditugaskan untuk mencabut roh. Ini adalah sunnatullah yang berlaku sejak Nabi Adam diciptakan sehingga tibanya hari kiamat. Kematian juga tidak dapat dielakkan oleh manusia. Alam dunia bukanlah tempat tinggal yang kekal untuk manusia. Alam dunia hanyalah persinggahan sementara kerana akhirnya kelak akan kembali kepada pencipta. Pada akhirnya, manusia akan kembali hidup di alam lain iaitu alam akhirat. Syair ini juga turut menggambarkan manusia ketika berada di saat-saat menghadapi kematian. Lazimnya, sebelum kematian manusia akan diuji dengan pelbagai penyakit sehingga ada yang sukar untuk diubati. Malah, ada juga yang melahirkan kekesalan apabila meninggalkan amal soleh seperti yang terdapat dalam contoh berikut:

Tatkala kita hampirkan mati
Datanglah penyakit tiada berhenti
Sahabat dan handai datang mengubati
Usahkan senang bertambah penyakiti

(Rangkap 52)

Tatkala nyawa hendak tercabut
Baharulah di sana sesal terkabut
Dada perut terkembang kembut
Naik turun nafas berebut

(Rangkap 55)

Berdasarkan contoh bait syair tersebut menjelaskan bahawa di saat tibanya kematian itu, manusia akan diuji dengan pelbagai penyakit. Malah, turut dijelaskan juga bahawa ramai sahabat handai datang untuk mengubati tetapi tidak memberikan apa-apa kesan kerana dirinya bertambah sakit. Selain itu, manusia akan menyesal dengan segala perlakuan di alam dunia di saat nyawa ingin dicabut. Sewaktu hampirnya sakaratul maut iaitu ketika sebelum roh berpisah dari jasadnya, mereka perlu mengucap dua kalimah syahadah. Arifal Firdaus as-Sundy (2013:207) memetik hadis riwayat an-Nasaie iaitu telah disebutkan daripada Amru bin Ali, daripada Bisyr bin al-Mufadlal, daripada

Umarah bin Ghaziyyah, daripada Yahya bin Umarah dia berkata: “Aku mendengar Abu Sa’id berkhotbah kepada kami bahawa Qutaibah Abdul Aziz telah menceritakan kepada kami sebuah hadis daripada Umarah bin Ghaziyyah daripada Yahya bin Umarah daripada Abu Sa’id yang berkata bahawa Rasulullah SAW bersabda: Bantulah orang yang akan meninggal dunia antara kalian dengan kalimat *Lailaha Illallah*.” Petikan syair tersebut jelas menunjukkan datangnya seorang alim membantu mengucap dua kalimah syahadah. Bagi mereka yang tidak dapat menjawabnya, akan lahirnya kekesalan dalam diri kerana sentiasa melakukan kemungkaran dan meninggalkan segala perintahnya.

Adil Akhyar al-Medani (2010:30) menyatakan bahawa penderitaan maut hanya dapat diketahui oleh mereka yang pernah mengalaminya. Selain mereka, tidak akan ada yang mengetahui keadaan sebenarnya. Mereka hanya dapat menunggu dan berusaha memahami penderitaan yang dialami oleh orang yang sedang menghadapi sakaratul maut dengan melihat keadaannya. Hal ini dapat dilihat dalam contoh berikut:

Adalah *alim* hadir dia hulu
Mengajarkan *kalimah* bertalu-talu
Hendak menjawab tiadalah lalu
Bibir pun berat lidah pun kelu

Hendak menjawab tiadalah boleh
Hingga palu sahaja meleleh
Sebab meninggalkan amal yang soleh
Mengerjakan maksiat tiadalah memilih

(Rangkap 58-59)

Maliki al-maut datangnya mereka
Sekalian padam rupanya muka
Mengambil nyawa dengan seketika
Tinggallah sekalian adik dan kakak

(Rangkap 61)

Oleh itu, amat ditekankan agar umat manusia sentiasa melakukan kebaikan dan mematuhi perintah-Nya. Hal ini kerana setiap amalan yang dilakukan di atas muka bumi ini merupakan bekalan untuk hari akhirat kelak. Arifal Firdaus as-Sundy (2013:17-18) turut menjelaskan bahawa di saat kematian itu nafas terasa berat, peluh membasahi sekujur tubuh, bertaut betis kiri dan kanan, kemudian perlahan-lahan roh dicabut dari bawah ke atas. Saat

itulah detik-detik perpisahan dengan dunia. Maka, orang-orang bertakwa akan tersenyum melihat sesuatu yang dijanjikan untuknya dan para pendosa menyesali perbuatan mereka.

KEADAAN DI ALAM KUBUR (ALAM BARZAKH)

Manusia yang telah meninggal dunia akan dihidupkan kembali di alam akhirat nanti. Alam kubur merupakan tempat persinggahan bagi mereka sebelum dihisab. Kemudian, setelah dihisab mereka akan menuju ke syurga atau neraka berdasarkan amalan mereka ketika di dunia. Arifal Firdaus as-Sundy (2013:71-72) turut menjelaskan bahawa alam kubur ialah persinggahan pertama menuju akhirat. Orang yang telah mati itu telah mengalami kiamat kecil. Apabila seseorang itu telah dikuburkan, maka akan diperlihatkan tempat tinggalnya nanti pada pagi hari iaitu di antara waktu fajar dan terbit matahari serta pada waktu petang iaitu di antara waktu Zuhur sehingga Maghrib. Apabila seseorang itu termasuk dalam kalangan penghuni syurga, maka akan diperlihatkan kepadanya tempat tinggalnya di syurga dan apabila seseorang itu termasuk dalam kalangan penghuni neraka maka akan diperlihatkan kepadanya tempat tinggalnya di neraka.

Selain itu, Adil Akhyar al-Medani (2010:89-92) menyatakan bahawa kubur adalah taman dari taman-taman syurga atau lembah dari lembah-lembah neraka. Tambah beliau lagi masa yang membentang antara kematian seseorang dengan kebangkitan pada hari kiamat dikatakan sebagai barzakh (masa penantian). Barzakh bererti penghalang iaitu yang menghalangi antara dunia dan akhirat sebelum di padang mahsyar iaitu dari waktu kematian seseorang hingga hari kebangkitan. Muhammad bin Soleh Al-Munajjid *et., al.* (2008:41) turut menjelaskan bahawa alam barzakh merupakan alam selepas kematian seseorang sehinggalah dia dibangkitkan pada hari kiamat. Mereka yang mati dalam Islam dan ibadah, dia akan diberi nikmat manakala mereka yang mati dalam kekufuran dan maksiat akan diseksa.

Abdullah Sirajuddin (1999:3-4) menjelaskan bahawa alam barzakh terbahagi kepada tiga aspek penting iaitu tempat, masa dan keadaan. Tempat yang dimaksudkan ialah sesudah berlakunya kematian dan berada di alam barzakh (kubur) sampai kepada tingkat *illiyyin* (dalam syurga) yang dihuni oleh roh-roh bahagia atau sampai kepada tingkat *sijjiin* (dalam neraka) yang dihuni oleh roh-roh celaka. Masa pula merujuk kepada tempoh berada di alam barzakh iaitu sejak seseorang itu dikebumikan atau setelah berlakunya kematian sehinggalah di hari mereka dibangkitkan kelak. Keadaan pula menjurus kepada keadaan yang akan dihadapi oleh manusia setelah dikebumikan sama ada diseksa, terlepas seksaan kubur, disoal malaikat Munkar dan Nakir, dibukakan pintu neraka atau pintu syurga, menghadapi fitnah kubur atau dilepaskan. Hal ini dapat dilihat melalui petikan syair di bawah:

Munkar *wa* Nakir datangnya segera
Dengan cokmar kita dia *dar*
Takutnya lagi terbicara
Diseksanya lagi tiada terkira-kira

Datangnya itu menanya kamu
Sebut itu siapa tuhanmu
Jikalau salah sedikit jawabmu
Kenalah pula sekalian badanmu

Disinilah sangat seksanya tulang
Sebab di dunia tiada mengenalan
Di dalam kubur sangat kesugulan
Kerana *makrifat* tiadaberbetulan

(Rangkap 66-68)

Dapat dilihat dengan jelas bahawa bait-bait syair tersebut menggambarkan keadaan manusia setelah dikebumikan akan disoal oleh malaikat Munkar dan Nakir. Datangnya mereka itu membawa cokmar dan bertanya pelbagai soalan. Mereka akan disiksa menggunakan cokmar tersebut sekiranya tidak dapat menjawab soalan yang ditanyakan itu. Selain itu, digambarkan juga keadaan manusia yang disiksa tulangnya, meraung kesakitan dan berada dalam keadaan kesugulan dan kemuraman di alam kubur. Abdullah Siraaajuddin (1999:20) menyatakan bahawa di alam barzakh akan ternyatalah ketetapan sikap mereka di medan pertanyaan yang hebat dan sebaliknya akan terbaliklah pengakuan orang-orang yang lemah dalam keimanan mereka sehingga tidak dapat mempertahankan kepercayaan yang benar dalam hati mereka. Hal ini juga akan menyebabkan mereka tidak mendapat bimbingan untuk menjawab jawapan yang benar. Muka-muka orang kafir dan munafik akan dipukul dengan satu pukulan yang keras dan mereka akan meraung dengan suara yang kuat.

Kemudian, datang pula *kiraman katibin* iaitu malaikat Raqib dan Atid yang bertanggungjawab mencatat amalan kebaikan dan kejahatan manusia ketika hidup di dunia. Kedatangan kedua-dua malaikat ini adalah di atas firman Allah Taala untuk membuat timbangan dosa dan pahala. Timbangan dosa dan pahala ini akan menentukan tempat yang harus dituju oleh manusia sama ada di syurga mahupun neraka. Mereka yang banyak melakukan dosa dan perbuatan jahat akan ditempatkan ke neraka. Jika mereka melakukan amalan kebaikan, beriman dan bertakwa akan ditempatkan ke syurga. Berikut merupakan petikan

bait syair yang menggambarkan perihal malaikat Raqib dan Atid dalam menjalankan amanah mereka:

Datang pula suatu bala
Kiraman katibin datanglah pula
Membawa firman hak Taala
Menyeru surat dosa dan pahala

Sekalian pahala disuratkan dahulu
Kepada dosa sangatlah malu
Kiraman katibin marah terlalu
Diangkatkan cokmar serta dipalu

Merasai palu terlalu sangat
Rasanya badan terlalu lumat
Ia menyuratkan segeralah *bangat*
Sekalian dosa barang yang ingat

(Rangkap 70-72)

Jelas petikan tersebut menggambarkan peranan *kiraman katibin* dalam menjalankan tugas mereka untuk menentukan nasib manusia setelah timbangan dosa dan pahala dilakukan. Bagi mereka yang mendapat timbangan dosa yang paling berat berbanding pahala akan disiksa dengan menggunakan cokmar. Pada waktu itu terbit rasa bersalah dan penyesalan di atas kelakuan yang dilakukan di atas muka bumi.

MANUSIA DIBANGKITKAN PADA HARI KEBANGKITAN DAN BERKUMPUL DI PADANG MAHSYAR

Manusia akan dibangkitkan dari kuburnya setelah berlakunya tiupan sangkakala. Laily Mabruk (2008:6-7) menjelaskan bahawa tiupan sangkakala berlaku sebanyak tiga kali. Tiupan pertama adalah mengejutkan yakni bertujuan untuk memberikan peringatan akan hancurnya seluruh alam. Tiupan kedua menghancurkan iaitu setelah berbunyi tiupan itu hancurlah seluruh alam dan matilah semua yang ada di bumi dan langit serta tiada yang kekal melainkan Allah SWT. Tiupan ketiga atau Al-Qiyamah ialah tiupan yang bertujuan membangkitkan manusia dari bawah tanah untuk dihisab. Ini dinamakan hari kebangkitan. Manusia akan dibangkitkan Allah dalam pelbagai rupa. Umat manusia nanti akan dibangkitkan dalam keadaan yang tidak berpakaian, kehausan dan bertangis-tangisan.

Hal ini sebagaimana dijelaskan oleh Mansur Abdul Hakim (2014:126) yaitu ketika terjadinya tiupan kebangkitan dan hisab, setiap manusia akan dibangkitkan dari kuburnya dalam keadaan tidak menutup aurat, bertelanjang dan tidak berkhatan. Selain itu, Mahsyar pula merupakan perkataan daripada kata *Hasyr* yang bermaksud pengumpulan seperti yang dijelaskan Imam al-Qurtubi dalam *al-Tazkirah*. Pengumpulan setiap makhluk terbahagi kepada empat jenis, dua pengumpulan terjadi di dunia dan dua di akhirat. Pengumpulan pertama berlaku terhadap golongan Yahudi Bani Nadhir dari Madinah ke Syam. Hal ini terjadi kerana keingkaran mereka terhadap perjanjian antara mereka dengan Rasulullah SAW. Pengumpulan kedua terjadi disebabkan api yang keluar dari dasar kota Aden, mengiring manusia atau mengusir manusia menuju ke tempat berkumpul iaitu Mahsyar. Pengumpulan ketiga pula ialah berkumpulnya manusia setelah tiupan sangkakala kedua, iaitu tiupan yang membangkitkan segala sesuatu yang sudah mati untuk dihisab. Manakala, pengumpulan keempat ialah pengumpulan di syurga atau neraka setelah berlakunya hisab (Mansur Abdul Hakim, 2014:109-113). Hal ini dapat dilihat sebagaimana bait-bait syair di bawah:

Segala yang bangun dari kuburnya
Mereka dengan dahaganya
Ada yang telanjang tiada kainnya
Masing-masing dengan tangisnya

(Rangkap 111)

Tatkala berhimpun di padang mahsyar
Inilah padang yang amat besar
Penuhlah tempat kecil dan besar
Berdiri tiada dapat di kisar

(Rangkap 219)

Petikan tersebut jelas menggambarkan tentang suasana ketika berlakunya hari kebangkitan. Manusia akan dibangkitkan dari kubur masing-masing dalam keadaan tidak berpakaian, tidak menutup aurat, tidak berkhatan, kehausan dan kelaparan. Padang Mahsyar merupakan sebuah tempat berkumpul untuk umat manusia yang telah dibangkitkan oleh Allah SWT. Ibnu Kathir (2013:212) turut menyatakan bahawa perhimpunan yang terjadi pada hari kiamat setelah ditiupnya sangkakala kebangkitan (*Nafkihatul Ba'ats*), di mana manusia bangkit dari kubur masing-masing dalam keadaan tanpa alas kaki, tidak berpakaian dan tidak berkhatan. Orang-orang kafir akan dihalau ke neraka dalam keadaan dahaga.

GOLONGAN MANUSIA YANG MENDAPAT SYAFAAT

Setelah umat manusia dikumpul di padang mahsyar untuk dihisab, kemudiannya akan menentukan hala tuju seseorang itu sama ada ke syurga mahupun neraka berdasarkan kepada amalan-amalan yang dilakukan ketika hidup di dunia. Allah SWT telah menjanjikan ganjaran kepada mereka yang sentiasa melakukan amalan soleh. Oleh itu, terdapat beberapa golongan yang mendapat nikmat dan syafaat iaitu kelebihan yang dikurniakan oleh Allah kepada Rasulullah SAW untuk menolong umatnya di padang mahsyar kelak.

Isomuddin Sayid Abdul Robunabi Al-Sobaabithi (2002:163-165) menyatakan bahawa syafaat terbahagi kepada dua iaitu syafaat Rasulullah SAW dan syafaat para Nabi, syuhada dan orang-orang mukmin yang soleh. Syafaat Rasulullah pula terbahagi kepada dua iaitu syafaat umu dan syafaat khusus. Syafaat umum bermaksud keistimewaan yang khusus diberikan kepada Rasulullah kerana kemuliaan dan ketertinggian martabatnya. Syafaat ini berlaku pada ketika kedahsyatan padang mahsyar yang tidak dapat ditanggung lagi oleh sekalian makhluk dan terasa panjang tempohnya. Lalu, ada antara mereka yang tidak sanggup untuk menunggu sehingga bertemu dengan para nabi supaya mensyafaati mereka di sisi Allah agar menyegerakan penghisaban. Kemudian, Rasulullah tampil untuk mensyafaati mereka, justeru Allah menyegerakan penghisaban. Manakala syafaat khusus pula bermaksud syafaat yang dikhususkan untuk umatnya sahaja. Syafaat ini terhasil dengan memasukkan satu kaum ke dalam syurga tanpa hisab sebagaimana syafaat itu diberikan kepada satu kaum yang diputuskan untuk memasuki neraka disebabkan amalan buruk mereka, lalu Rasulullah mensyafaati mereka di sisi Allah agar tidak dimasukkan mereka ke dalam neraka. Tiga golongan yang memberi syafaat pada hari kiamat kelak ialah para nabi, ulama dan syuhada. Para ulama adalah mereka yang beramal dengan ilmu mereka dan mengajar manusia perkara-perkara yang dapat menyelamatkan mereka dari azab Allah SWT. Syair ini juga turut mengandungi sepuluh golongan yang mendapat syafaat. Lihat petikan berikut:

Inilah pula suatu riwayatnya
Bahayanya kiamat lepas daripadanya
Di dalam hadis tersebutnya
Sepuluh kaum sekaliannya

Pertama *anbia* dan *aulia* di lepas Allah
Segala *aulia* pun demikianlah
Kedua yang perang *fisabilillah*
Ketiga *alim* pada ilmu Allah

Keempat *syahid* lepaskanlah
Atas mu yang mati di padang Karbala
Lepas ia daripada bala
Di kurnia *aulia* hak Taala

Kelima *ahl al-Quran* lepas daripada situ
Keenam yang bang itu waktu
Ketujuh raja yang adil itu
Kelapan yang teraniayanya mereka itu

Kesembilan perempuan yang sangat mulia
Yang mati beranak lepasnya dia
Jikalau ada ia akan percahaya
Makanya lepas daripada bahaya


Kesepuluhnya yang mati malam Jumaat
Atau salingnya beroleh *syafaat*
Jikalau ada amalnya yang taat
Maka adalah memberi manfaat

(Rangkap 206-211)

Sepuluh golongan ini mendapat memperoleh syafaat ketika hari kiamat kelak. Antara golongan tersebut ialah para nabi, para wali, mereka yang berperang di jalan Allah, berpengetahuan dalam ilmu agama, meninggal kerana agama Islam, ahli al-Quran, melaksanakan solat tepat pada waktunya, raja atau pemimpin yang adil, orang yang teraniaya, perempuan yang meninggal semasa melahirkan anak dan mereka yang meninggal pada malam Jumaat. Golongan ini juga mendapat tempat yang tertinggi di syurga kelak. Hal ini juga sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammad Khairul (2010:xi) iaitu setelah berlakunya kiamat yakni ketika hari penghisaban dan saat-saat yang dinantikan di padang mahsyar. Peringkat yang tertinggi berada di syurga ialah Ulul Azmi, Nabi dan Rasul, para Nabi yang tidak tercantum dalam al-Quran, pewaris para Rasul dan pengganti mereka di kalangan umatnya masing-masing, para pemimpin yang adil, para mujahidin di jalan Allah dan Ahlul Itsar iaitu manusia yang paling bermanfaat kepada manusia yang lainnya.

Oleh itu, perjalanan hidup manusia itu bermula dari alam roh sehinggalah ketika manusia dibangkitkan semula di akhirat kelak. Syahminan Zaini (1980:211) menjelaskan bahawa perjalanan hidup manusia itu terjadi dalam lima fasa seperti iaitu alam roh (mengadakan perjanjian dan menerima amanat), alam rahim (perkembangan untuk menjadi manusia), alam dunia (melaksanakan janji dan amanat), alam barzakh (menunggu ganjaran atau balasan) dan alam akhirat (diminta dipertanggungjawabkan terhadap

pelaksanaan janji dan amanat, kemudian akan dibalas secara sempurna tentang perbuatannya dalam melaksanakan janji dan amanat itu). Berikut adalah rajah yang memperlihatkan perjalanan hidup manusia:



Rajah 2 : Rentetan perjalanan hidup manusia

KESIMPULAN

Sesebuah karya yang dihasilkan itu mengandungi makna yang tertentu seperti penghasilan syair ini yang berkaitan dengan kehidupan di dunia dan akhirat. Karya ini secara tidak langsung memberikan panduan, pedoman dan pengajaran kepada masyarakat agar sentiasa beringat tentang kematian dan kehidupan di akhirat. Oleh itu, makalah ini juga secara tidak langsung dapat memberikan peringatan kepada manusia. Dengan hasil pembacaan mengenai syair ini juga akan turut memberikan kesedaran kepada tentang kebesaran Allah seperti yang terdapat di dalam al-Quran dan hadis.

Justeru, dengan terhasilnya makalah ini dapat menyebarkan ilmu dan maklumat kepada pembaca mengenai kejadian alam semesta, kejadian manusia dan perjalanan hidup manusia di dunia sehinggalah hari manusia akan dibangkitkan semula dan seterusnya akan menuju ke destinasi terakhir sama ada syurga mahupun neraka berdasarkan amalan-amalan yang telah dilakukan sepanjang hidupnya di dunia.

RUJUKAN

Al-Quran

Abdullah Sirajaajuddin, (1999). *Suka Duka Ruh di Alam Barzakh dan Bagaimana Mengelak Seksa Kubur*. Terj. Badullah al-Qari Hj. Salleh. Batu Caves: Pustaka Ilmi.

Abdul Latif Asyur, (1998). *Menunggu Kedatangan Imam Mahdi, Dajal dan Nabi Isa a.s.* Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

Abu Talhah Iqamuddin, (2012). *Dajal Pencetus Fitnah dan Yakjuj Makjuj Perosak Bumi*. Batu Caves: Pustaka Al-Ehsan.

Adil Akhyar ak-Medani (Peny.), (2010). *Dahsyatnya Kiamat dan Azabnya Neraka*. Johor Bahru: Pustaka Azhar.

Arifal Firdaus as-Sundy, (2013). *Lorong Sakaratul Maut*. Terj. Masturah Abu Bakar. Kuala Lumpur: Al-Mihrab Publications.

Ibnu Idris (Peny.), (2010). *Bangkit Semula Sesudah Mati*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hidayah.

Ibnu Kathir, (2013). *Huru Hara Hari Kiamat*. Terj. Mohd. Suhail. Batu Caves: Al-Hidayah Publications.

Isomuddin Sayid Abdul Robunabi Al-Sobaabithi, (2002). *Mustika Hadis-Hadis Al-Qudsi Sahih*. Terj. Abul Khairi Al-Latifi. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers.

Jelani Harun (peny.), (2004). *Bustan Al-Salatin (Bab Pertama dan Kedua)* karangan Nuruddin Ar-Raniri. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Laily Mabruk, (2008). *Tanda-tanda Kiamat, Tanda Kecil dan Tanda Besar*. Terj. Syahrin Nasution. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.

M. Munir Faurunnama', (1979). *Al-Quran dan Perkembangan Alam Raya*. Surabaya: PT. Bina Ilmu.

Mahir Ahmad Al-Sufi, (2012). *Siri Ensiklopedia Alam Akhirat Misteri Akam Barzakh dan Dahsyatnya Peristiwa Kiamat*. (Terj.) Abdul Rachman Saleh Siregar. Batu Caves: Al-Hidayah Publications.

Mansur Abdul Hakim, (2014). *Israfil alaihissalam dan Peristiwa Kiamat*. Terj. Andi Subarkah dan Abid Mohd Noor. Shah Alam: Grup Buku Karangraf Sdn. Bhd.

*Aliran Perjalanan Hidup Manusia Dalam Syair Jamad Al-Qiamat
Nadiatul Shakinah Abdul Rahman, & Salmahjan Noor Muhammad*

Muhammad Khairul, (2010). *18 Darjat dan Martabat Manusia di Akhirat*. Shah Alam: Pustaka Dini.

Muhammad bin Soleh al-Munajjid *et. al.*, Sakinah Ariff Johor (Peny.) (2008). *Barzakh dan Kiamat, Persoalan Berkaitan Barzakh dan Kiamat*. Terj. Nor Hasanuddin Muhammad Fauzi. Shah Alam: Karya Bestari.

O.K. Rahmat, (1991). *Hubungan Antara Manusia Dengan Manusia dan Alam Sekelilingnya*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.

Sa'id Solah Al-Fayyumiyy, (2009). *Fenomena Alam dalam Al-Quran*. Terj. Muhammad Uria Hasnan Sidik. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications.

Syahminan Zaini, (1980). *Mengenal Manusia Lewat Al-Quran*. Surabaya: PT. Bina Ilmu.

Syair Jamad al-Qiamat (Manuskrip). MSS 449 (A). (Perpustakaan Negara Malaysia).

Umar Sulaiman al-Asyqar, (2000). *Kiamat Kecil dan Tanda-tanda Kiamat Besar*. Terj. Murtadho Ridwan. Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.

